



16 APR, 2025

TNB REMACO raih kontrak MRO RM705j di Kuwait



Berita Harian, Malaysia

TNB REMACO raih kontrak MRO RM705j di Kuwait



Megat Jalaluddin (tiga dari kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengurusi AL DHOW, Isam Al-Sager.

(Foto ihsan TNB)

Syarikat baik pulih, selenggara loji jana kuasa dan penyulingan air tempoh 7 tahun

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB), menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO), memperkuuh kedudukannya di peringkat antarabangsa dengan

menandatangani kontrak tujuh tahun bersama Kementerian Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Baharu (MEWRE) Kuwait.

Menerusi kontrak baharu yang bermula kira-kira RM705 juta itu, TNB REMACO bersama rakan kongsi dari Kuwait, AL DHOW Engineering memberi tumpuan kepada kerja penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih menyeluruh (MRO) bagi Loji Jana Kuasa dan Penyulingan Air Sabiya.

Terletak 65 kilometer dari Kuwait, loji dengan empat unit jana kuasa minyak dan gas berkapsiti keseluruhan 299.4 megawatt (MW) itu memainkan peranan penting dalam infrastruktur tenaga negara berkenaan.

Presiden/Ketua Pegawai Ek-

sekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata perjanjian itu mencerminkan keyakinan MEWRE terhadap usaha sama TNB REMACO-AL DHOW untuk menyediakan penyelesaian tenaga yang berkualiti tinggi dan mampan bagi menyokong permintaan tenaga yang semakin meningkat di Kuwait.

Perkukuh kedudukan global

Beliau berkata, kontrak itu sejahtera dengan misi TNB untuk menjadikan penyedia penyelesaian tenaga mampam yang terkemuka, bukan saja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

"Selain Kuwait, kami turut mengembangkan sayap ke United Kingdom (UK), Ireland, Australia,

Turkiye, Arab Saudi, Pakistan dan Kemboja," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut menekankan komitmen TNB dalam menyokong sektor tenaga di Kuwait sambil mengembangkan portfolio antarabangsa.

Katanya, kerjasama itu bukan sahaja mengukuhkan kepakaran teknikalnya, malah turut mempereratkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan Kuwait.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan Pengurusi TNB REMACO, Datuk Ir Muhammad Nazri Pazil pula menekankan kehadiran kukuh TNB REMACO di Kuwait.

Beliau berkata, sejak memasuki pasaran penjanaan kuasa

Kuwait pada 2013, TNB REMACO berkembang pesat dengan kini menguruskan 11 projek aktif dengan jumlah nilai kontrak melebihi RM4.54 bilion.

"Sejak 2013 juga, 16 bakat dan pakar TNB telah dipinjamkan ke Kuwait bagi memantau projek ini dan kini enam orang kakitangan sedang mengetuai serta menguruskan kesemua 11 kontrak yang sedang berjalan," katanya.

Muhammad Nazri menegaskan, TNB REMACO bersedia terus berkembang di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, sebagai sebahagian daripada TNB Genco, TNB REMACO terus menunjukkan kepakaran teknikal dan keupayaannya dalam industri penjanaan tenaga.